

SPR sedia kendali pilihan raya umum

Um - 5/1/2007
PUTRAJAYA 4 Jan. - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sudah bersiap sedia untuk mengendalikan pilihan raya umum ke-12 sekiranya kerajaan mengambil keputusan membubarkan Parlimen pada tahun ini.

Pengerusi SPR, Tan Sri Ab. Rashid Ab. Rahman berkata, suruhanjaya itu mempunyai kemampuan untuk menguruskan pilihan raya umum berkenaan dan menganggap pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Batu Talam pada 28 Januari ini sebagai satu latihan.

"Boleh, kita sudah membuat persediaan, kalau hendak bubarkan (Parlimen), maknanya akan ada pilihan raya umum," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat menetapkan tarikh pilihan raya kecil, Batu Talam, Pahang di sini hari ini.

Menurut Ab. Rashid, persediaan yang dibuat itu termasuk membersihkan senarai pemilih berdaftar apabila pada bulan lalu sahaja, sebanyak 180,000 pengundi yang meninggal dunia telah dipotong nama mereka.

Dalam pada itu, katanya, usaha untuk menarik lebih 4.5 juta rakyat negara ini yang layak mengundi agar mendaftar masih belum menampakkan hasil yang memberangsangkan.

"Sekarang ini jumlah pengundi baru yang tidak mendaftar masih dalam lingkungan jumlah tersebut," katanya.

Senarai

Sementara itu, Badan Perhubungan UMNO Pahang menyenaraikan tujuh nama sebagai calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Batu Talam dan akan menyerahkan senarai itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada malam ini atau selewat-lewatnya esok.

Pengerusinya, Datuk Seri Adnan Yacob bagaimanapun enggan mengumumkan nama-nama calon yang dianggap layak untuk bertanding mewakili BN dalam pilihan raya kecil itu.

Beliau berkata, persetujuan mengenai nama-nama calon itu dicapai pada mesyuarat UMNO Bahagian Raub hari ini yang membincangkan nama pemimpin tempatan yang disenaraikan untuk menjadi calon BN.

"Tunggulah pengumuman rasmi yang akan dibuat malam ini oleh Perdana Menteri atau selewat-lewatnya esok," kata Adnan pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa UMNO Bahagian Raub di Bangunan UMNO Raub.

Difahamkan lima mereka yang disenarai pendek itu ialah daripada UMNO Bahagian Raub, manakala dua lagi adalah calon luar.

Mereka ialah Timbalan Ketua UMNO Bahagian itu, Datuk Mustafa Kamal; Naib Ketua Bahagian, Datuk Ir. Azinuddin Abdul Rahim; Ketua Pemuda UMNO Bahagian, Tengku Abdul Rahman Tengku Perang; Setiausaha UMNO Bahagian, Aziz Kiram dan Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian yang juga Presiden Majlis Belia Felda Pahang, Datuk Abdullah Abu Bakar.

Dua nama luar ialah bekas Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Pahang, Datuk Johar Rusi dan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Galian, Datuk Yidris Abdullah.